KAMPUS UOLS
Segalanya tentang
@www.kampusuols.com @kampusuols @kampusUols @Kampus Uols • SINAR HARIAN • SELASA 30 APRIL 2019

ARTIKEL ILMIAH

Pensyarah disaran rancakkan penulisan berimpak tinggi

PEMBANGUNAN dan tamadun sesebuah negara bukan dilihat pada kepesatan fizikal dan ekonomi sahaja, sebaliknya aspek pengkaryaan dan penulisan buku juga diambil kira.

Di negara kita, terdapat ribuan intelek bertaraf dunia yang menjadi penggerak kepada kecemerlangan institusi pengajian tinggi (IPT) negara.

Namun, di sebalik kerancakan pembinaan IPT bertaraf global, terdapat satu kekurangan ketara iaitu bidang penulisan buku ilmiah masih perlahan dan lesu.

Tidak dinafikan, memang ada aktiviti penerbitan karya ilmiah di IPT tetapi kebanyakannya diedar sekitar kampus sedangkan masyarakat awam tidak dapat menikmati khazanah ilmu berharga itu.

Kalau ada pun di pasaran, kebanyakan orang ramai yang berminat membeli buku ilmiah itu terpaksa menahan diri lantaran harganya yang agak mahal. Inilah senario yang melanda dunia penulisan buku berbentuk ilmiah.

Adalah diharapkan golongan ilmuwan di IPT, politeknik atau institusi apa sekali pun akan menjadikan kegiatan menulis buku sebagai tugas sosial untuk kemanfaatan masyarakat dan negara.

>>MS2

Nur Asilah wakili Malaysia ke Australia 3

UMS-Finas tandatangani Surat Niat 3

SUFECS bantu petani hidroponik 4

Jadikan universiti tumpuan dunia

Ahli akademik perlu terbitkan penulisan ilmiah sebagai bahan rujukan

PENULISAN artikel berimpak tinggi oleh pensyarah sebagai sumber rujukan oleh pelbagai pihak perlu diberi penekanan.

Ini kerana, ia penting untuk sesebuah universiti itu dipandang tinggi oleh masyarakat sekiranya penyelidikan dan penerbitannya dijadikan rujukan.

Penerbitan tugasan hakiki pensyarah

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Prof Ir Dr Noor Azuan Abu Osman berkata, penerbitan adalah tugas hakiki yang mesti dipenuhi oleh semua pensyarah.

Ahli akademik tidak boleh lari daripada lima tugas utama iaitu pengajaran, penerbitan, penyeliaan, perundingan serta khidmat masyarakat.

"Bagi mencapai hasrat tersebut, perlulah diterbitkan penerbitan yang berimpak tinggi sahaja. Saya hanya menekankan kepada penerbitan yang diterbitkan dalam *Web of Science* atau dikenali sebagai Jurnal Penerbitan yang berstatus ISI dan bukannya jurnal yang tidak berindeks," ujarnya.

Dr Noor Azuan berkata, ia termasuk warga kerja UMT sama ada pensyarah mahupun kumpulan sokongan akademik yang perlu meningkatkan kecekapan kerja dari aspek pengurusan masa malah lebih kreatif dalam melaksanakan tanggungjawab tanpa menunggu arahan daripada peringkat atasan serta di bawah seliaan yang minimum

Penulisan artikel ilmiah sebati dengan dirinya

Pensyarah Kanan Pengurusan Operasi, Pusat Pengajian Pengurusan Teknologi dan Logistik, Universiti Utara Malaysia (UUM), Dr Risyawati Mohamed Ismail berkata, setiap ahli akademik sedar bahawa mereka perlu menerbitkan penulisan ilmiah untuk dijadikan bahan rujukan selain daripada menjalankan tugas hakiki pensyarah iaitu mengajar.

DR RISYAWATI (tiga dari kiri) bekerjasama dalam penyelidikan bersama penyelidik dari China dan Singapura.

Katanya, hasil penulisan dan kajian yang dijalankan oleh ahli akademik boleh digunakan oleh mana-mana pihak termasuk mahasiswa universiti dari dalam dan luar negara.

Jelasnya, penulisan ilmiah dan keterlibatan dalam kajian adalah sebahagian daripada dirinya yang telah menjalankan pelbagai penyelidikan bersama rakan-rakan kerjasama dari universiti dari dalam dan luar negara, terutamanya bidang pengurusan operasi halal, keselamatan makan dan pengilangan.

"Ketika masih dalam proses memperoleh Doktor Falsafah (PhD) lagi, saya telah mula menjalankan kajian dan menulis artikel ilmiah dan ia berterusan sehingga ke hari ini.

"Sehingga kini, saya telah menerbitkan sebanyak 46 bahan penerbitan dalam bentuk bab dalam buku, artikel akademik, majalah dan lain-lain sejak tahun 2015 lagi," katanya.

Ditanya sama ada tertekan kerana keperluan ahli akademik untuk menerbitkan hasil kajian dan penulisan artikel ilmiah, Dr Risyawati berkata, keadaan itu tidak membebankan kerana menyedari bidang yang dipilih semenjangnya melibatkan tuntutan sebegitu.

Katanya, kajian dan penulisan artikel ilmiah itu telah sebati dengan dirinya dan memberikan kepuasan apabila ia berjaya diterbitkan.

"Tipulah kalau langsung tidak tertekan, tetapi ia semua akan berlalu bila hasil kajian saya digunapakai oleh industri selain menjadi rujukan para penyelidik.

"Bagi saya, perasaan puas hati itu melebihi rasa bangga terutamanya apabila ada mahasiswa, penyelidik lain atau industri dari dalam dan luar yang merujuk dan mengguna pakai kajian dan artikel ilmiah ini," katanya.

Menurutnya, beliau menempatkan penulisan ilmiah dan kajian yang telah siap di dalam satu platform khas yang membolehkan hasil kerja tersebut diakses oleh sesiapa sahaja.

Geran daripada pelbagai pihak

Dr Risyawati menjelaskan, pihak UUM menetapkan setiap tenaga pengajar perlu mengeluarkan sekurang-kurangnya dua penulisan ilmiah setiap tahun.

Menurutnya, pihak universiti memberikan geran penyelidikan untuk membantu golongan akademik menjalankan kajian, selain daripada geran yang diperoleh daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), geran industri dan geran luar negara.

"Jumlah geran daripada universiti adalah terhad. Oleh itu kami akan berusaha memohon geran-geran lain yang sedia ada, sama ada dari dalam dan luar negara. Selain daripada itu, jalinan industri juga membantu kami untuk memperoleh pembiayaan penyelidikan daripada agensi swasta.

"Bagi saya, pelbagai geran boleh diperoleh jika kita berusaha dan hasil penulisan akademik sebelum ini amat membantu untuk saya mendapatkan lebih banyak geran pada masa hadapan kerana ia boleh membuktikan kepakaran kita di dalam sesuatu bidang," katanya.

ANTARA hasil kajian Dr Risyawati yang mendapat liputan dari Jepun.

APA KATA ANDA?

"Saya amat berharap agar penulisan artikel ilmiah dapat dijadikan sebagai tugasan dalam subjek di universiti untuk melatih mahasiswa agar lebih cakna tentang pentingnya menghasilkan artikel yang berkualiti. Bagi menggiatkan semula, perlulah ada inisiatif daripada fakulti untuk menganjurkan bengkel dan pertandingan penulisan artikel ilmiah dalam memupuk minat untuk menghasilkan pelbagai karya penulisan."

- Faiz Sudin, 24, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan (Geografi), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

"Ada pembaca yang kurang berminat untuk membaca penulisan berbentuk fakta disebabkan mereka lebih gemar kepada penulisan yang lebih santai, ringan dan mudah untuk difahami, tidak memerlukan mereka berfikir dengan serius. Justeru, penulis atau penyelidik perlu menyampaikan dalam bahasa yang lebih ringkas dan mudah untuk difahami oleh pembaca agar boleh berkongsi maklumat yang berbentuk ilmiah tersebut di ruangan media sosial."

- Syafila Kamarudin, 34, PhD in Rural Advancement (ICT dan Masyarakat), Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM)

"Peningkatan penggunaan teknologi dan gajet memaksa komuniti muda pada zaman sekarang untuk terus berada dalam dunia media sosial dan permainan *online*. Kebanyakan mahasiswa hanya menggunakan kemahiran untuk menulis penulisan ilmiah ini jika pensyarah meminta mereka membuat tugasan berkaitan. Ini menunjukkan bahawa penulisan ilmiah ini cuma bahan 'kitaran'S bagi mahasiswa untuk mendapatkan markah tugasan sahaja."

-Muhammad Nur Azam Ghazali, 23, Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Awal Kanak-Kanak (dengan Kepujian), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

REDAKSI KAMPUS UOLS
Editor: Noor Fazidah Umar **Wartawan:** Norhayati Ali, Zalmimazura Zahari & Siti Khairulnisah Mohamed Bajuri
Pengarah Seni: Dindunk **Pereka Grafik:** Asfalili Kasim, Syed Zulfadzli Syed Ahmad Azaruddin, Syed Mohd Badril Hisham S.A.Khalid